

KOSMA catat keuntungan RM135.1j

B.H 25/02/09 M/S 8
Koperasi tersenarai dalam 100 terbaik semakin kukuh mampu dimanfaat 1,683 anggota

PEPATAH 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit dulu, bersenang kemudian' tepat untuk menggambarkan perjalanan penuh ranjau anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA).

Selepas 41 tahun penubuhannya dan tiga kali bertukar nama, KOSMA pada masa ini tersenarai dalam indeks 100 koperasi terbaik seluruh negara.

Pengerusinya, Datuk Abdul Jabbar Ibrahim, tidak menafikan perjalanan penuh berliku sejak awal penubuhannya, kini terbayar dengan perolehan pendapatan yang meningkat sejak lima tahun kebelakangan.

Beliau berkata, pendapatan keseluruhan ladang KOSMA termasuk hotel dan pendapatan lain berjumlah RM135.161 juta.

Daripada jumlah itu, katanya, keuntungan koperasi dan unit ladang adalah sebanyak RM55.5 juta pada 2007, berbanding RM23.871 juta pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 132.5 peratus.

Bagi tahun ini, beliau berkata, KOSMA mencatat pendapatan RM143 juta melalui buah tandan basah (BTB) terkumpul sehingga Oktober lalu dengan keuntungan RM85 juta.

"Tetapi bagi syarikat sendiri, kejayaan terbesar kami apabila mampu melangsaikan semua hutang yang tertunggak sejak sekian lama berjumlah RM114 juta.

"Pada 2003, satu penyusunan semula sistem pentad-



LADANG KOSMA di Keratong, Rompin.

biran dan pengurusan ladang dilakukan secara berperingkat dan imej syarikat berjaya dipulihkan berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Sebelum itu, katanya, pelbagai masalah timbul sama ada pada peringkat pentadbiran atau pengurusan ladang termasuk masalah kewangan dan isu pengkorporatan.

"Ada anggota keluar kerana tidak puas hati dan hilang kepercayaan, sistem pentadbiran langsung tidak proaktif dan pelbagai masalah lain yang sukar dibendung.

"Bagaimanapun, berkat kerjasama dan sokongan anggota yang masih bertahanan, imej koperasi berjaya dipulihkan dan kembali kepada objektif asal penubuhannya," katanya.

Sehingga kini, KOSMA yang ditubuhkan pada 4 Di-



KILANG sawit KOSMA di Keratong, Rompin.

seMBER 1967 mencatat anggota seramai 1,683 yang kebanyakannya di kalangan pesara kakitangan kerajaan di seluruh negara yang pernah berkhidmat di Pahang.

Antara kejayaan yang dicapai ialah pembelian bangunan yang diduduki sejak 2006

bernilai RM1.5 juta dengan jumlah kakitangan seramai 28 orang.

Selain itu, seramai 58 kakitangan dilantik untuk pengurusan kerja di ladang seluas 12.908 hektar di Mukim Keratong, Rompin dengan dengan jumlah pekerja ladang

INFO

KOSMA

■ Ditubuhkan pada 4 Disember 1967.

■ Nama asalnya Syarikat Bekerjasama-sama Ladang Kelapa Sawit Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Berhad.

■ Dipinda kepada Koperasi KOSMA Berhad pada 4 Oktober 1986 sehingga 28 Februari 1996 apabila ditukar kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad sehingga hari ini.

■ Terbabit dalam pembangunan dan perladangan tanaman kelapa sawit.

seramai 951 orang.

"Dengan kejayaan itu, KOSMA tidak lupa membuat pembayaran zakat berjumlah RM740,000 pada 2007, berbanding RM341,000 tahun sebelumnya.

Selain itu, beberapa insentif lain turut diberi seperti sumbangan kematian dari Badan Khairat Kematian sebanyak RM1,000, dana kebajikan RM20,000 kepada setiap ahli yang meninggal dunia, bantuan mengerjakan haji dan melancong bagi yang bukan Islam (RM500) dan bantuan pendidikan serta insentif pelajar cemerlang kepada anak anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata, KOSMA juga membeli lima kenderaan rasmi Toyota Hilux bernilai RM450,000 bagi memastikan operasi di ladang berjalan le-

bih mantap dan berkesan.

Selain ladang, KOSMA juga terbabit dalam bidang perhotelan dan kini memiliki sebuah hotel bajet dikenali Hotel KOSMA di tengah bandar Kuantan dengan caj bilik antara RM50 dan RM80 satu malam.

KOSMA juga memiliki sebuah kilang bernilai RM20 juta diuruskan anak syarikatnya, Syarikat Usahasama Wujud Wawasan Sdn Bhd yang beroperasi bermula tahun lalu dengan keuntungan bersih sebelum cukai RM2.574 juta, manakala untung selepas cukai ialah RM1.261 juta.

Bagi mengukuhkan kedu-dukannya dan menjaga kebajikan anggota, KOSMA sedang menyediakan satu keratan kerja untuk menubuhkan Yayasan KOSMA yang memberi penekanan mengenai pembangunan insaniah.

"Lima tahun kebelakangan ini KOSMA kembali muncul sebagai syarikat yang kukuh, stabil dan mendapat kepercayaan ahli dan bukan ahli.

"KOSMA sentiasa menerima permohonan ahli untuk menambah modal saham masing-masing selain permohonan daripada luar yang berminat menyertai syarikat," katanya.

Katanya, misi syarikat ialah menjaga kepentingan dan kebajikan anggota dengan menjana pulangan pelaburan dan membantu meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi ahlinya.

"Wawasan kami ialah KOSMA berjaya muncul sebagai koperasi terbaik dan menjadi koperasi contoh pada peringkat kebangsaan dan antara-bangsa menjelang 2020," katanya.